



## World Bonsai Friendship Federation, Inc

E-1 Hwa Hwe Danji 1262  
Wondang Dong DeokYang Gu Goyang Si  
Gyeong Gi Province  
Republic of Korea  
Webpage: [www.wbffbonsai.org](http://www.wbffbonsai.org)

### Muhammad Faiq Hamizan Bin Mohd Runzi

Seorang peminat bonsai generasi muda yang cemerlang, beliau mula menceburi bidang ini sejak tahun 2010 hasil dorongan minat ayahandanya.

Beliau berpengalaman mengusahakan pelbagai spesies bonsai tropical termasuk pokok Cucur Atap, Jeliti, Podocarpus yang bersize landscape besar, premna dan juga species Brazilian Ironwood dan sebagainya.



Kejayaan beliau semakin menyerlah apabila meraih Silver Award dalam pertandingan anjuran SABAS. Selain kerap diundang sebagai demonstrator dalam MBSS Bonsai Road Show untuk mempromosikan Bonsai sedunia ke-10 di pusat membeli-belah di seluruh Malaysia, beliau juga pernah tampil di pentas berprestij semasa Floria Putrajaya.

Dikenali sebagai demonstrator yang berhemah tinggi, beliau kini bersedia menggalas tanggungjawab mewakili Malaysia ke pentas antarabangsa. Penglibatan beliau sebagai delegasi Malaysia ke Taiwan HwaFong, 16th ASPAC di Filipina, serta BCI Regional Exhibition di Tengerang, Jakarta pada tahun 2023 dan 2024, menegaskan komitmen dan potensi besar beliau dalam mengharumkan nama negara di arena bonsai serantau mahupun global.